

**PERUTUSAN TAHUN BARU 2012
OLEH
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH**

Saya mengucapkan syukur kerana kita bukan sahaja dapat menghadapi dan mengatasi pelbagai cabaran sepanjang tahun 2011 malah telah menunjukkan pencapaian prestasi perkhidmatan awam yang membanggakan. Semua ini adalah hasil daripada komitmen dan usaha seluruh penjawat awam dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Pelaksanaan pelbagai program pembangunan dan perkhidmatan kepada rakyat dipermudahkan lagi dengan kewujudan suasana aman hasil dari perkhidmatan berdedikasi anggota pasukan keselamatan dalam menjaga keamanan Negeri.

Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan **Selamat Menyambut Tahun Baru 2012** kepada semua anggota perkhidmatan awam di Sabah. Kita sedia maklum bahawa perkhidmatan awam dijangka menghadapi cabaran lebih besar pada tahun 2012. Cabaran yang dihadapi bukan sahaja untuk mentransformasi perkhidmatan awam itu sendiri malah keatas tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan oleh perkhidmatan awam. Oleh itu, untuk memastikan perkhidmatan awam terus relevan, saya ingin mengajak seluruh anggota perkhidmatan awam untuk bersama-sama mengamalkan sikap sentiasa berusaha gigih, membudayakan kualiti dan produktiviti tinggi, kreatif dan inovatif dengan ditunjangi oleh nilai-nilai integriti.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penjawat awam yang konsisten memberi perkhidmatan cemerlang sepanjang tahun 2011 dan berharap kita semua akan berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi dalam tahun 2012. Bagi segelintir anggota perkhidmatan awam yang masih belum menunjukkan pencapaian prestasi yang cemerlang, semoga ketibaan tahun baru 2012 akan dijadikan sebagai landasan untuk menguatkan azam dan memperbaiki kelemahan diri masing-masing.

Salam hormat.